

# SAMY VELLU SERAH KES KEPADA PEGUAMNYA

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam Datuk S. Samy Vellu kini menyerahkan kepada para peguamnya mengenai tindakan yang akan diambil terhadap tuduhan secara terbuka terhadapnya oleh Ahli Parlimen Jelutong, Encik Karpal Singh semalam.

Datuk Samy Vellu berada di pejabatnya pagi tadi tetapi beliau tidak dapat dihubungi atau pun ditemui oleh para wartawan.

Bagaimanapun, Setiausaha Sulitnya memberitahu bahawa perkara itu kini sedang diteliti oleh peguamnya dan tidak ada sidang akhbar akan dibuat mence-

nainya.

Kira-kira jam 1.30 petang semalam, Encik Karpal Singh mengulangi tuduhannya yang pertama kali dibuat di Parlimen mengenai 'beberapa kecurangan' di dalam urusan pembelian tanah melibatkan Datuk Samy Vellu.

Hampir 3,000 orang terdiri dari para penyokong Datuk Samy Vellu dan Encik Karpal Singh berkumpul di luar bilik persidangan Dewan Perhimpunan Cina Selangor di sini untuk mengikuti 'perang mulut' yang dijangka berlaku antara dua 'gergasi' itu.

Datuk Samy Vellu diiringi oleh dua peguamnya, Encik R. R. Chelliah dan Encik D. P. Vijandran, duduk di satu sudut bilik itu bersama-sama dengan beberapa pemimpin MIC dan mendengar Encik Karpal Singh mengulangi tuduhan terhadapnya.

Manakala Encik Karpal Singh pula duduk di sudut lain bilik tersebut bersama-sama dengan beberapa pemimpin DAP sambil membaca tuduhan itu dari Hansard — rekod rasmi persidangan Parlimen.

Encik Karpal Singh berharap Datuk Samy Vellu akan mengemukakan tuduhan terhadapnya di mahkamah selepas beliau mengulangi tuduhan tersebut.

## Dua tokoh

Selepas mendengar Encik Karpal Singh mengulangi tuduhan terhadapnya, Datuk Samy Vellu meninggalkan bilik persidangan itu tanpa membuat sebarang komen.

Sementara itu, para anggota polis dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) telah dikerahkan ke situ bagi mengawal keselamatan.

Tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku.

Pertemuan antara Datuk Samy Vellu dan Encik Karpal Singh semalam merupakan 'pertarungan' kedua antara dua tokoh yang diadakan di situ dalam masa 19 tahun lalu.

Pertarungan pertama ialah antara bekas Menteri Kesihatan, Encik Abdul Rahman Haji Talib dan bekas Setiausaha Agung Parti Progresif Rakyat (PPP), Encik D.R. Seenivasagam pada 11 September, 1963.

Encik Rahman Talib telah mencabar Encik Seenivasagam supaya mengulangi tuduhan terhadapnya secara terbuka mengenai amalan curang bekas Menteri itu, yang pertama kali dibuat di Parlimen pada 22 Ogos tahun yang sama.

Encik Rahman Talib kemudian menyaman Encik Seenivasagam dan seorang pegawai eksekutif syarikat baja di mahkamah tetapi mahkamah memutuskan pihak yang tertuduh sebagai tidak bersalah.

Encik Rahman Talib kemudian meletakkan jawatannya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia